

Noor Mohamad
Shakil Hameed

Usah cemari sukan dengan rasuah

Tatkala seluruh rakyat Malaysia berbangga dengan pernyertaan Hafiz Syahrin Abdullah ke kancang MotoGP 2018, isu rasuah dan mengatur perlawanan pula dilihat semakin serius dan mula mencemarkan arena sukan tanah air. Skandal rasuah dalam sukan bola sepak dan terkini badminton membuktikan kegiatan bookie yang mengatur perlawanan masih berlaku di negara kita. Untuk rekod, negara pernah dikejutkan dengan skandal terbesar mengatur perlawanan bola sepak sekitar 1994 dan 1995 sehingga ramai pemain berstatus bintang dikenakan tindakan digantung termasuk digantung seumur hidup. Namun senario semasa menunjukkan masih ramai yang gagal untuk ambil iktibar.

Bola sepak dan badminton misalnya dua jenis sukan yang cukup popular jadi kita tidak mahu sukan kesayangan ramai seperti ini terpalit dengan gejala rasuah dan aktiviti mengatur perlawanan. Oleh itu kita perlu mengambil langkah drastik untuk menyekat tindak tanduk bookie yang masih bermaharajalela di negara kita. Dari pemain biasa sehingga yang bergelar bintang terus menjadi sasaran bookie dengan pelbagai tawaran ganjaran lumayan. Pemain yang tidak kuat pendiriannya pasti akan mudah tergoda dan termakan tawaran lumayan bookie ini.

Bagi menangani masalah rasuah dalam bidang sukan ini terlebih dulu kita perlu meneliti faktor dan punca pemain ambil rasuah atau bersetuju menjual perlawanan dan puncanya boleh jadi berbeza mengikut jenis sukan. Misalnya antara punca yang paling ketara dalam bola sepak ialah kegagalan majikan membayar gaji atau banyak berlaku kes gaji tertunggak.

Hal ini terbukti berlaku apabila dari semasa ke semasa kita boleh membaca laporan isu tunggakan gaji membabitkan beberapa pasukan di mana majikan gagal melunaskan gaji mengikut tempoh yang sepatutnya. Senario ini boleh mewujudkan keadaan ‘terdesak’ pemain sehingga hilang pertimbangan dan mudah menerima tawaran bookie.

Hakikatnya kita perlu sedar ini era profesional pemain bergantung sepenuhnya kepada gaji sebagai pemain dan bukannya seperti zaman dulu apabila pemain ada kerja tetap yang lain yang menjadi sumber pendapatan utama dan tetap. Jadi masalah bayaran gaji ini perlu diselesaikan segera dan semua persatuan perlu bekerjasama agar dapat tangani gejala atur perlawanan ini. Pada masa sama persatuan juga perlu atasi dengan bijak masalah jurang

gaji sesama pemain dalam sesebuah pasukan. Kita khuatir jurang yang terlalu berbeza sehingga ada pemain yang bergaji terlalu kecil boleh mendorong pemain mencari sumber pendapatan sampingan lain seperti menerima rasuah. Hal ini tidak mustahil berlaku jika persatuan leka dan lalai dalam menjaga kebijakan pemain masing-masing.

Di samping itu, gaya hidup mewah serta masalah kewangan yang dihadapi juga dilihat menjadi antara punca mereka gelap mata dan menerima tawaran bookie. Kegagalan pemain kita untuk mengukur baju di badan sendiri serta mudah terpengaruh dengan budaya hidup mewah pemain profesional di luar negara menyebabkan pemain kita umpama hidup biar papa asal bergaya. Ini menyebabkan gaji habis dijoli dan akhirnya terpaksa menerima rasuah untuk survival hidup harian.

Dalam kes ini kita harap semua persatuan sukan mengambil inisiatif untuk memberikan pendidikan pengurusan kewangan kepada pemain masing-masing. Realitinya pada hari ini pemain profesional menerima gaji lumayan jadi tidak sepatutnya timbul soal mereka tidak cukup duit sehingga mengambil rasuah, maka eloklah mereka ini disuntik ilmu pengurusan kewangan seperti keperluan untuk menabung, melabur dan juga

berjimat cermat.

Dalam pada itu faktor penarik utama yang mengheret pemain ke kancang jual perlawanan ini ialah jumlah ganjaran tinggi yang ditawarkan bookie. Ada laporan mengatakan pemain pernah ditawarkan sehingga RM100,000 untuk mengatur perlawanan akhir Piala Malaysia. Bukankah ini satu tawaran yang cukup lumayan yang pastinya sukar ditolak mana-mana pemain. Jadi pemain perlu ada daya tahanan dan benteng diri yang kuat.

Untuk itu kita sarankan setiap ahli sukan profesional mengikuti kursus integriti dan jati diri di bawah kendalian SPRM di samping membuat ikrar bebas rasuah dan pengisyiharan harta pada setiap tahun. Hal ini penting kerana ia membabitkan soal sikap, tingkah laku dan pendirian individu pemain yang sangat subjektif untuk diukur secara luaran.

Manakala untuk tangani masalah bookie pula kita harap perlu ada inisiatif untuk menyekat mereka daripada mendekati dan mempengaruhi pemain pasukan. Kita sedia maklum antara modus operandi bookie ialah menghubungi pemain sama ada melalui panggilan telefon, WhatsApp, Wechat, berjumpa dengan pemain sendiri ataupun perhubungan menerusi rakan pemain. Jadi semua persatuan perlu ada sistem pemantauan yang

berkesan agar dapat mengesan gerak geri bookie yang cuba mendekati pemain mereka.

Umumnya kita tidak mahu imej dan maruah sukan tempatan terus diaibkan seperti ini kerana kita khuatir lama-kelamaan jika perkara ini terus berleluasa menjadikan peminat akan bosan, rasa tertipu dan tidak lagi mahu menyokong pasukan negara mahupun negeri. Jadi bagi menangani kes rasuah dengan lebih serius kita wajar menggunakan pendekatan penguatkuasaan undang-undang yang tegas agar pemain mahupun bookie ambil iktibar dan pengajaran supaya hentikan perbuatan tidak bermoral mereka.

Kita percaya hukuman terhadap sindiket bookie agak jelas dan mereka akan menerima hukuman yang setimpal, cuma hukuman terhadap pemain yang terbabit dilihat agak longgar misalnya mengikut rekod belum ada pemain bola sepak yang terbabit dalam aktiviti mengatur perlawanan dalam Liga M dipenjarakan. Hukuman paling berat dikenakan digantung seumur hidup.

Justeru sudah tiba masanya untuk Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan semua persatuan sukan bekerjasama dengan polis dan SPRM untuk meneliti hukuman yang sedia ada dan dalam konteks ini cadangan dikenakan hukuman penjara

untuk satu tempoh yang munasabah sebagai pengajaran kepada pemain yang terbabit di samping terus digantung seumur hidup selesai menjalani hukuman penjara wajar untuk diberi perhatian yang serius.

Cukuplah dengan masalah rasuah dan salah laku dalam pelbagai sektor di negara kita, janganlah sukan juga dijadikan mangsa keadaan. Sama-sama kita berganding bahu menangani rasuah dan mengatur perlawanan dalam sukan tanah air secara keseluruhannya. Majulah sukan untuk negara, kita bangkit bersama katakan tidak kepada rasuah.

**Penulis Timbalan Pendaftar,
Fakulti Kejuruteraan, Universiti
Putra Malaysia (UPM)**